

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kurang kesedaran terhadap kepentingan amalan membaca dipercaya antara punca utama gejala penyalahgunaan bantuan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) dalam kalangan pelajar.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Syzrul Yahya, berkata sikap itu menyebabkan sebilangan pelajar lebih cenderung mengutamakan keperluan lain dengan menjual baucar berkenaan untuk memperoleh wang tunai.

"Pelajar terbabit sanggup menukarkan baucar itu dengan wang tunai walaupun pada kadar nilai lebih rendah. Mereka seolah-olah tidak berasa rugi kerana tiada mengeluarkan sebarang modal untuk mendapatkan wang itu.

"Jika pelajar menyedari kepentingan membudayakan amalan membaca, sudah pasti kelewatan pengagihan BB1M bukan alasan untuk melakukan penyalahgunaan itu kerana mereka masih boleh membeli pelbagai buku yang bermanfaat dan relevan dengan pengajian," katanya.

Pelbagai fungsi

Walaupun memahami kead-



[GAMBAR HIASAN]

Bantuan BB1M dapat menyuburkan amalan membaca dalam kalangan pelajar.

'Tidak berasa rugi jual baucar'

aan segelintir pelajar yang terpaksa bergelut dengan masalah kewangan, Mohamad Syzrul berkata, perbuatan menjual baucar buku itu tetap bukan tindakan bijak.

Dalam konteks ini, beliau

berkata, pasti ada badan tertentu yang berperanan menjaga kebijakan pelajar di institusi masing-masing, justeru penjualan BB1M tidak wajar dijadikan jalan ringkas meringankan

beban sara hidup.

"Saya memahami bahawa faktor aliran kewangan tahunan ialah antara perkara perlu diambil kira dalam penetapan suatu tempoh pengagihan BB1M dan proses itu tidak dapat dielakkan"



Saya memahami bahawa faktor aliran kewangan tahunan ialah antara perkara perlu diambil kira dalam penetapan suatu tempoh pengagihan BB1M dan proses itu tidak dapat dielakkan"

Mohamad Syzrul Yahya,
Presiden MPP UPM

BB1M dan proses itu tidak dapat dielakkan.

"Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan supaya fungsi bantuan BB1M dipelbagaikan dan tidak hanya tertumpu kepada pembelian buku, sebaliknya diperluas untuk pelajar mendapatkan keperluan lain seperti peralatan amali," katanya.